



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
JABATAN KEWANGAN
UNIT KHIDMAT AGENSI
TINGKAT 9 KIRI, BLOK 8
KOMPLEKS BANGUNAN KERAJAAN
JALAN TUANKU ABDUL HALIM
PETI SURAT 11833
50600 KUALA LUMPUR



TELEFON : 03-62091000
FAX : 03-62013894

Ruj. Tuan:

Ruj. Kami:

Tarikh: 15 Oktober 2015

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA KAMPUS MELAKA
BAHAGIAN BENDAHARI
KM26 JALAN LENDU
78000 ALOR GAJAH MELAKA

Tuan,

**ARAHAN POTONGAN GAJI TERUS KEPADA PTPTN UNTUK BAYARAN BALIK
PINJAMAN PENDIDIKAN PTPTN**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa mulai **1 November 2015**, potongan gaji untuk bayaran balik pinjaman pendidikan PTPTN hendaklah diuruskan terus dengan PTPTN. Sehubungan itu, mulai dari tarikh tersebut Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) tidak lagi menjadi agen kutipan bayaran balik pinjaman PTPTN dan segala urusan berkaitan kutipan bayaran balik pinjaman PTPTN hendaklah berhubung terus dengan PTPTN.

3. Mengikut subseksyen 29 (2) Akta Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional 1997 (Akta 566 Undang-Undang Malaysia), seseorang majikan yang melanggar arahan bertulis yang dikeluarkan adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Sekian, terima kasih

**Unit Khidmat Agensi
Bahagian Operasi Kewangan
Jabatan Kewangan
Lembaga Hasil Dalam Negeri, Malaysia**

s.k :

Seksyen Potongan Gaji, Jabatan Kewangan PTPTN
Lot G2, Tingkat Bawah, Wisma Chase Perdana,
Off Jalan Semantan, Damansara Heights,
50490 Kuala Lumpur
(u.p : **En. Syerman bin Salleh**)
Tel: +603-2098 6677 | Faks: +603-2095 0796 | E-mel: syerman@ptptn.gov.my

Nota : Sila rujuk arahan penting di belakang muka surat ini untuk maklumat lanjut



BAYARAN POTONGAN GAJI

Agensi boleh memilih untuk membuat bayaran potongan gaji kepada PTPTN melalui kaedah **Electronic Fund Transfer (EFT) atau cek.**

(i) **Electronic Fund Transfer (EFT)**

Berikut adalah maklumat yang diperlukan oleh agensi untuk membuat pindahan bayaran potongan gaji melalui EFT ke akaun PTPTN.

NAMA ORGANISASI	PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL
ALAMAT RASMI	LOT G2, TINGKAT BAWAH, WISMA CHASE PERDANA, OFF JALAN SEMANTAN, DAMANSARA HEIGHTS, 50490 KUALA LUMPUR.
NAMA AKAUN BANK	AKAUN PUNGUTAN POTONGAN GAJI AGENSI
NO. AKAUN BANK	14023010035045 (Maklumat no. akaun ini adalah untuk kegunaan dalaman antara pihak PTPTN dan agensi sahaja serta tidak boleh dihebahkan kepada penerima biaya/ pendeposit SSPN-i bagi sebarang tujuan)
NAMA BANK	BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD (BIMB)
NO. TELEFON PEGAWAI UTK DIHUBUNGI	PN. NORFADHLINA BINTI ABD WAHID 03-20986484 EN. AHMAD SYAMIR BIN ABD LATIFF 03-20987336 PN. ROSLIZA BINTI WAHAB 03-20986462
E-MEL	potongan_gaji@ptptn.gov.my

Agensi perlu mengemukakan maklumat berikut melalui e-mel dalam tempoh **sehari (1) selepas pindahan bayaran potongan gaji dilakukan:**

- (i) Tarikh Pindahan;
- (ii) No. Rujukan Bank (contoh: No. EFT);
- (iii) Jumlah Pindahan;
- (iv) Keterangan Pindahan (contoh: Maklumat terperinci tujuan pindahan);
- (v) Data Peminjam dalam bentuk *softcopy (excel)*

(ii) **Cek**

Cek hendaklah dibuat atas nama **PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL** atau **PTPTN** dan dihantar ke alamat berikut:

KETUA EKSEKUTIF
PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL,
LOT G2, WISMA CHASE PERDANA,
OFF JALAN SEMANTAN, DAMANSARA HEIGHTS,
50490 KUALA LUMPUR.

(u.p : JABATAN KEWANGAN)

Agensi perlu mengemukakan Data Peminjam dalam bentuk *softcopy (excel)* melalui e-mel sebaik sahaja cek dihantar kepada PTPTN mengikut format sedia ada.

Agensi perlu mengemukakan bayaran potongan gaji kepada PTPTN dalam tempoh **tiga (3) hari bekerja selepas potongan gaji dibuat / diproses.**